

Proses Nasalisasi dalam Awalan Kata Kerja Bahasa Iban

Nasalisation of Verbal Prefixes in the Iban Language

Ericca Eanna Bidi¹, Salbia Hassan², Dayang Sariah Abang Suhai³

^{1, 2 & 3} Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

¹ ericcaeanna9705@gmail.com

² hsalbia@unimas.my

³ asdsariah@unimas.my

Article history:

Received: 29 September 2023

Accepted: 10 January 2024

Published: 5 March 2024

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji salah satu proses pengimbuhan kata kerja dalam bahasa Iban iaitu proses nasalisasi. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif tentang proses morfologi bahasa Iban dengan memfokuskan kepada kata kerja bahasa Iban yang menerima awalan nasal. Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang diketengahkan, iaitu mengenalpasti awalan nasal kata kerja dalam bahasa Iban dan menghuraikan proses nasalisasi dalam pembentukan kata kerja terbitan. Pengkaji menggunakan data korpus yang didapati dalam buku *Tiga Ensera* (The Tun Jugah Foundation, 2009). Buku ini mengandungi tiga teks cerita kaum Iban iaitu yakni *Indai Jubang* (Sang Lamat, 2003), *Kumang Bunsu Ikan Buing* (Muda Sandin, 2004) dan *Kumang Nyera* (Mathew Banyin Nyaru, 2003). Pengumpulan data dilakukan dengan mencatat dan menyenaraikan kata kerja yang dikesan dihadiri oleh awalan nasal sebelum fonem pertama kata kerja tersebut. Seterusnya, data dianalisis dengan berpanduan pendekatan struktural dalam model kajian Omar dan Sandai (2012) bagi mencapai kedua-dua objektif kajian. Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, terdapat lima bentuk awalan nasal iaitu /m-/ , /n-/ , /ny-/ , /ng-/ dan /nge-/ ditemukan dalam kata kerja terbitan bahasa ini. Dapatan kajian juga mengesan bahawa proses nasalisasi ini melibatkan dua proses iaitu penggantian dan penambahan morfem untuk menerbitkan kata kerja berimbuhan.

Kata kunci: Bahasa Iban, awalan nasal, proses nasalisasi, penggantian morfem, penambahan morfem

Abstract

This study is qualitative research that describes a morphological process of Iban language by focusing on the process of nasalisation to form derived verbs. Besides that, the function of nasalization, referring to prefix morphemes in derived verbs, will be discussed. The two objectives that are highlighted are to describe the process of nasalisation in the formation of derived verbs and to analyse the function of the prefix morphemes of the verbs. The texts of Iban folklore in a book titled Tiga Ensera (The Tun Jugah Foundation, 2009) was used as the secondary sources of this study. The data collection process was done by recording and listing a number of prefixed verbs of {N} that are be found in the corpus text. The analysis of data is done based on Structural Linguistic theory that was used in the study by Asmah Omar and Rosline Sandai (2012) to achieve the objectives of the study. Based on the analysis of data, there are two processes of nasalization: one involves the replacement of morphemes and the other the addition of morphemes. The study also identified that the function of nasalisation is to differentiate the meaning in nasal prefixes such as doing transitive actions or to state the situations.

Keywords: Iban language; nasalisation process; derivative verbs; nasal prefix; function of the nasal prefix

Pengenalan

Morfologi merupakan salah satu bidang linguistik yang menghuraikan pembentukan kata dan struktur kata yang terbentuk. Proses pembentukan kata terdiri daripada beberapa proses iaitu pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012). Dalam konteks kajian ini, fokus utama adalah un-

tuk meneliti pembentukan kata dan bentuk kata kerja yang terhasil melalui proses pengimbuhan kata. Menurut Wayan Simpen (2021), terdapat dua jenis morfem yang terlibat dalam proses pengimbuhan kata iaitu morfem terikat dan morfem bebas. Morfem terikat berperanan penting dalam pembentukan kata kompleks dan tidak mempunyai makna manakala morfem bebas pula memiliki makna leksikal serta menjadi dasar dalam pembinaan kata yang baharu. Oleh sebab itu, morfem terikat terdiri daripada beberapa imbuhan manakala morfem bebas merupakan kata dasar.

Bahasa Iban menggabungkan imbuhan dengan kata dasarnya untuk membentuk kata terbitan. Menurut Mahali (2021), proses ini mengakibatkan perubahan pada makna asal dan fungsi nahu kata dalam sesuatu ayat. Proses pengimbuhan dalam bahasa Iban merangkumi dua jenis proses iaitu proses penambahan dan proses nasalisasi atau penyengauan secara keseluruhannya (Omar & Sandai, 2012). Proses penambahan melibatkan penambahan morfem pada awalan, sisipan dan akhiran pada kata dasar. Manakala, proses nasalisasi mempunyai dua jenis proses iaitu penggantian morfem dan penambahan morfem. Proses penggantian morfem berlaku apabila bunyi awal kata dasar digugurkan dan digantikan dengan bunyi konsonan nasal yang bersifat homorganik atau diucapkan pada titik artikulasi yang sama (Rahim Aman, 2006). Penambahan morfem pula berlaku apabila berada dalam suatu lingkungan tertentu. Namun demikian, makalah ini hanya akan meneliti proses penyengauan dalam pembentukan kata kerja terbitan.

Kajian ini dilaksanakan untuk menerangkan proses morfologi bahasa Iban yang meneliti pembentukan kata kerja terbitan dalam proses nasalisasi. Dalam kajian ini jelas menunjukkan proses nasalisasi dalam bahasa Iban berlainan dengan bahasa lain walaupun memiliki beberapa persamaan. Sebagai contoh, alomorf yang diwakili dalam proses penyengauan bahasa Iban hampir sama dengan bahasa Melayu namun bentuk terbitan yang terhasil berbeza. Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji akan mengidentifikasikan bentuk awalan nasal yang hadir sebelum fonem pertama kata kerja bahasa Iban. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan proses penerbitan kata kerja bahasa Iban melalui proses nasalisasi yang terlibat. Hal ini amat penting untuk memberikan pendedahan tentang bagaimana proses nasalisasi atau penyengauan berlaku dalam menerbitkan bentuk kata kerja baharu.

Permasalahan Kajian

Menurut Chong Shin (2019) menyatakan bahawa bahasa Iban memiliki 7 jenis awalan dalam proses pengimbuhan kata. Salah satu awalan tersebut ialah awalan nasal $\{N-\}$ yang terlibat dalam suatu proses pengimbuhan iaitu proses nasalisasi atau penyengauan. Proses nasalisasi merangkumi dua proses yang terlibat iaitu penggantian morfem dan penambahan morfem pada kelas kata yang dinasalisasikan. Namun begitu, kajian tersebut tidak meneliti secara menyeluruh terhadap proses nasalisasi dalam pengimbuhan kata bahasa Iban. Bukan itu sahaja, penggunaan awalan nasal bahasa Iban sering disamakan dengan awalan nasal bahasa

Melayu. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012) untuk membahas proses nasalisasi yang terjadi dalam membentuk kata kerja terbitan bahasa Iban.

Objektif Kajian

Terdapat dua objektif kajian ini iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti awalan nasal dalam kata kerja terbitan bahasa Iban.
- ii. Untuk menghuraikan proses nasalisasi dalam pengimbuhan kata kerja bahasa Iban.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk mengaplikasikan sistem imbuhan yang tepat dalam komunikasi harian mereka. Hal ini demikian kerana, kepesatan teknologi yang semakin canggih dianggap mempengaruhi penggunaan bahasa masyarakat terutamanya golongan generasi muda. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai panduan atau rujukan berkaitan dengan morfologi bahasa Iban kepada pengkaji bahasa akan datang. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai silibus pembelajaran di sekolah atau institusi pendidikan dalam subjek bahasa Iban. Maka, para pelajar dapat mengenali dan menggunakan sistem imbuhan bahasa Iban yang tepat.

Sorotan Kajian

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat beberapa kajian bahasa yang meneliti sistem pengimbuhan kata dalam suatu bahasa dan fungsi imbuhan dalam kata terbitan. Antara kajian tersebut ialah kajian oleh Rahim Aman (2006) yang meneliti morfologi bahasa Iban. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang perbandingan morfologi bahasa Iban, kantuk dan Mualang. Objektif kajian ini ialah untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan ciri morfologi antara ketiga-tiga bahasa tersebut. Kajian ini merupakan kajian berbentuk bandingan kualitatif. Keputusan kajian memaparkan bahawa awalan nasal $\{N\}$ dalam bahasa Iban merupakan awalan yang sangat produktif dalam kata kerja terbitan bahasa Iban. Terdapat beberapa alomorf dalam awalan nasal ini iaitu $/m/$, $/n/$, $/ny/$, $/ng/$ dan $/nge/$ yang dikenal pasti wujud dalam pengimbuhan bahasa Iban. Kata kerja bahasa Iban yang menerima awalan ini membentuk kata kerja aktif. Proses pengimbuhan yang melibatkan awalan nasal ini dikenali sebagai penyengauan. Dari segi proses pula, penyengauan melibatkan penambahan morfem dan penggantian morfem bergantung kepada bunyi awal kata kerja yang terlibat.

Kajian oleh Stephen, Usop dan Abu Bakar (2017) telah mengkaji faktor percampuran kod dalam kalangan kaum Iban di Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor percampuran kod dalam ka-

langan kaum Iban. Secara tidak langsung, kajian ini juga memperlihatkan pola penggunaan kata dari segi morfologi yang melibatkan penggunaan kata kerja berimbuhan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan soal selidik dan rakaman spontan sebagai instrumen kajian. Kriteria sampel yang diketengahkan ialah memiliki latar belakang pendidikan Inggeris dan Melayu dalam kaedah soal selidik manakala sampel dari pelbagai umur dan latar belakang pendidikan terlibat dalam kaedah rakaman spontan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan berlakunya situasi campur kod di Sarawak ialah kemahiran berbahasa, orang, tujuan, istilah, minat, ungkapan yang terlalu panjang, kesan pembelajaran, kefahaman mesej, situasi dan amalan. Selain itu, analisis data juga menunjukkan terdapat kesalahan penggunaan kata kerja berimbuhan bahasa Iban dalam faktor pemahaman mesej. Contohnya, kata kerja *save* dan *disave* yang seharusnya digunakan dengan kata dasar dan kata terbitan yang tepat dalam bahasa Iban iaitu *simpan* dan *disimpan*. Hal ini demikian kerana, data tersebut menunjukkan bahawa morfem awalan bahasa Iban iaitu {*di-*} diletakkan pada awal unsur bahasa asing. Proses penggabungan tersebut jelas tidak tepat kerana menghasilkan bentuk ayat yang tidak gramatis.

Dalam kajian Rozita Buyoh, Wong dan Atin (2017) pula meneliti proses dan fungsi pengimbuhan kata kerja terbitan dalam dialek Bundu dan Dialek Liwan yang merupakan dialek bahasa Kadazandusun. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji bentuk imbuhan awalan kata kerja terbitan dalam kedua-dua dialek. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu untuk menghuraikan proses pengimbuhan awalan dalam kata kerja terbitan kedua-dua dialek dan menerangkan fungsi pengimbuhan dari segi fokus, masa, aspek dan ragam (FMAR). Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan instrumen digunakan ialah temu bual tidak berstruktur. Dalam proses mengumpul data, kaedah sekunder digunakan yang merupakan teks cerita kaum di dialek Bundu dan Liwan. Manakala, penganalisan data dijalankan berdasarkan bentuk imbuhan awalan yang telah dikenal pasti dalam kata kerja terbitan dan fungsi pengimbuhan dengan analisis fokus, masa, aspek dan ragam (FMAR). Keputusan kajian menunjukkan bahawa kata kerja terbitan dibentuk dengan menggabungkan morfem awalan pada awal kata akar, kata dasar dan kata kerja ganda. Dalam fungsi pengimbuhan awalan didapati bahawa bentuk imbuhan awalan mempengaruhi fungsi tersebut. Contoh data, imbuhan awalan {*moN-*} merujuk kepada fokus pelaku yang bermaksud ejen atau pelaku dijadikan sebagai elemen paling menonjol dalam situasi perbuatan tertentu.

Seterusnya, kajian tentang sistem pengimbuhan dalam bahasa Melayu juga dijalankan oleh penyelidik bahasa terdahulu seperti yang dilakukan oleh Ahamad, Mohd Rusli dan Abdul Jobar (2020). Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menerangkan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan ka-
rang dan perkaitannya dengan konsep makna gramatikal. Terdapat dua objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan pelajar dan untuk menganalisis kesalahan imbuhan dan hubungkaitnya dengan makna gramatikal. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian merupakan buku catatan dan borang maklum


balas. Pengkaji mengumpulkan data dengan mengaplikasikan kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan serta menganalisis data berlandaskan Analisis Kesalahan Corder (1973). Terdapat 30 orang pelajar tingkatan empat (4) dari sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan terlibat sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan imbuhan yang salah paling kerap digunakan dalam kata kerja, iaitu 44 kesalahan dikesan. Bukan itu sahaja, imbuhan awalan merupakan bentuk imbuhan yang sering salah digunakan. Contohnya, kata kerja *minum* yang ditambahkan dengan imbuhan awalan {*beR-*} sehingga menjadi *berminum*. Pembentukan kata kerja terbitan ini jelas tidak tepat sehingga menghasilkan makna yang tidak gramatis. Justeru, kata kerja tersebut seharusnya digabungkan dengan imbuhan awalan {*meN-*} agar menghasilkan bentuk terbitan yang betul iaitu *meminum* selain diawali dengan huruf /m/. Bahkan, pembentukan tersebut menepati makna penggunaan imbuhan yang merujuk melakukan sesuatu perbuatan.

Kajian yang sama turut dijalankan oleh Tengku Din dan Abdul Wahab (2020) dalam meneliti kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan tentang permasalahan yang timbul dalam penggunaan imbuhan. Terdapat dua objektif kajian ini, iaitu untuk menganalisis kekerapan kesalahan penggunaan imbuhan dalam penulisan kapsyen Instagram dan menghuraikan perkaitannya dengan aspek gramatikal. Kajian ini juga menggunakan kaedah gabungan, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kajian ini menggunakan instrumen seperti pemerhatian dan analisis kandungan. Data dikumpulkan dan dianalisis dengan mencatat dan menyemak kehadiran imbuhan dalam kapsyen *Instagram*. Keputusan kajian mengesan terdapat 10 kesalahan penggunaan imbuhan awalan yang paling kerap berlaku dalam kata kerja. Contoh data ialah penggunaan imbuhan awalan nasal {*meN-*} dalam kata kerja *mecuba*. Kata kerja yang terhasil iaitu *mecuba* menunjukkan penggunaan imbuhan awalan yang tidak tepat iaitu /*me-*/ dan membentuk ayat yang tidak gramatis. Dalam hal ini, alomorf awalan nasal /*men-*/ yang patut diimbuhkan pada awal kata kerja tersebut kerana alomorf awalan nasal /*me-*/ hanya hadir pada awal kata dasar yang bermula dengan huruf /m/, /n/, /ny/, /ng/, /r/, /l/, /w/ dan /y/ sahaja. Maka, penggunaan imbuhan yang tepat amat penting untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan tepat penggunaannya.

Metodologi Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menghuraikan proses pembentukan kata kerja terbitan melalui salah satu proses pengimbuhan iaitu awalan nasal. Pengkaji juga menerangkan fungsi aspek dalam morfem awalan pada kata kerja terbitan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah sekunder iaitu data korpus daripada buku *Tiga Ensera* terbitan The Tun Jugah Foundation (2009). Buku ini mengandungi tiga judul teks cerita kaum Iban yang berlainan iaitu *Indai Jubang* (Sang Lamat, 2003), *Kumang Bunsu Ikan Buing* (Muda Sandin, 2004) dan *Kumang Nyera* (Mathew Banyin Nyaru, 2003). Terdapat 239 halaman dan jumlah patah perkataan kira-kira 50 000 sehingga 70 000 per-

kataan dalam buku ini. Pengkaji mengambil kira kesemua teks cerita dalam buku ini sebagai data untuk mendapatkan data kata kerja dan bentuk awalan nasal pada kata kerja tersebut. Pengkaji memilih buku ini sebagai data kerana mempunyai kandungan yang sesuai, iaitu mengandungi kata kerja terbitan. Malahan, ketiga-tiga teks cerita ini pernah memenangi Pertandingan Menulis Cerita Iban yang dianjurkan oleh Yayasan Tun Jugah pada tahun 2003 dan 2004. Dalam objektif (1) iaitu untuk mengenalpasti awalan nasal dalam kata kerja terbitan bahasa Iban manakala objektif (2) ialah untuk menghuraikan proses nasalisasi dalam pengimbuhan kata kerja terbitan bahasa ini. Pengkaji menerapkan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012). Rajah 1 berikut memaparkan proses pengumpulan dan penganalisan data dalam buku tersebut:



Rajah 1: Proses pengumpulan dan penganalisan data dalam buku *Tiga Ensera*
(The Tun Jugah Foundation, 2009)

Dapatan Kajian

Bahagian ini mengenalpasti bentuk awalan nasal yang hadir sebelum fonem pertama kata kerja dasar bahasa Iban. Kata kerja berimbuhan awalan nasal $\{N\}$ yang telah dikesan direkodkan dalam Jadual 1 seperti di bawah sebelum menerangkan proses nasalisasi yang terlibat. Hasil analisis, pengkaji menemui terdapat lima awalan nasal yang terlibat dalam pembentukan kata kerja terbitan bahasa Iban. Dalam analisis ini, proses nasalisasi juga diterangkan dengan lebih terperinci berdasarkan bentuk awalan nasal yang hadir di hadapan fonem pertama kata kerja dasar.

Awalan Nasal {N-} dalam bahasa Iban

Dalam bahasa Iban, awalan nasal ialah awalan yang mempunyai keproduktiviti paling tinggi dalam pembentukan kata kerja terbitan. Pernyataan ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Rahim Aman (2006). Asmah Omar (2012) menyatakan bahawa awalan nasal ini diwakili dengan simbol {N-}. Selain itu, awalan nasal {N-} turut memiliki beberapa variasi alomorf nasalisasi seperti alomorf /m-/, /n-/, /ny-/, /ng-/, dan /nge-/. Berpandukan kutipan data, pengkaji telah mengenalpasti 146 kata kerja dengan pengimbuhan awalan nasal ini. Akan tetapi, pengkaji hanya membincangkan beberapa contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan awalan nasal ini bagi setiap teks cerita tersebut. Jadual 1 di bawah memaparkan penggunaan morfem awalan /m-/ dalam kata kerja terbitan *muai* (membuang), *megai* (memegang) dan *mai* (membawa).

Jadual 1: Penggunaan morfem awalan /m-/

/m-/				
Bil	Kata dasar/ Makna	Kata terbitan/ Makna	Contoh ayat/ Makna	Tajuk teks
1.	<i>buai</i> (buang)	<i>muai</i> (membuang)	<i>“Anang muai lupung tu nuan, Igat.” Pia ku Ini Manang Gelumang Kengkang Gemalung, bini Aki Surik Melibui Lampung. (p. 18)</i> (“Jangan membuang bakul kayu itu kamu, Igat.” Kata Ini Manang Gelumang Kengkang Gemalung, isteri Aki Surik Melibui Lampung.)	<i>Indai Jubang</i> (Sang Lamat, 2003)
2.	<i>pegai</i> (pegang)	<i>megai</i> (memegang)	<i>Keling lalu megai jari indu nya sereta ngendas ai mata iya. (p. 63)</i> (Keling lalu memegang tangan wanita itu sambil mengelap air matanya.)	<i>Kumang Bunsu</i> <i>Ikan Buing</i> (Muda Sandin@ Stevenson, 2004)
3.	<i>bai</i> (bawa)	<i>mai</i> (membawa)	<i>Nya alai pagi hari siti, Keling lalu mai bala sida Laja, Sempurai enggau Sepungga turun begigaka jelu. (p. 88)</i> (Keesokannya, Keling lalu membawa Laja, Sempurai dan Sepungga pergi mencari haiwan.)	<i>Kumang Nyera</i> (Mathew Banyin Nyaru, 2003)

Jadual 1 di atas menunjukkan kata kerja yang terbentuk melalui proses nasalisasi. Proses nasalisasi yang terlibat menggugurkan dan menggantikan fonem pertama kata kerja dengan awalan nasal {N-}. Bunyi awal pada kata dasar dilesapkan dan digantikan dengan bunyi nasal [m] yang merupakan alomorf awalan nasal. Bunyi ini menggantikan bunyi plosif hentian iaitu /p/ dan /b/ pada awal fonem kata kerja yang bersifat homorganik atau bunyi yang dihasilkan pada titik artikulasi yang sama (Asmah Omar & Rosline Sandai, 2012). Berdasarkan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), proses penyengauan dalam data-data di atas ditunjukkan seperti di bawah:

{N-} + buai = muai (membuang)

{N-} + pegai = megai (memegang)

{N-} + bai = mai (membawa)

Jadual 2 berikut menunjukkan contoh penggunaan morfem awalan /n-/ dalam ketiga-tiga teks korpus. Antara kata kerja terbitan yang dikesan ialah *nepas* (menyapu), *ninga* (mendengar) dan *niki* (menaiki).

Jadual 2: Penggunaan morfem awalan /n-/

/n-/				
Bil	Kata dasar/ Makna	Kata terbitan/ Makna	Contoh ayat/ Makna	Tajuk teks
1.	<i>tepas</i> (sapu)	<i>nepas</i> (menyapu)	<i>Indai Keling semina nepas uras ba ruai iya aja. (p,12)</i> (Indai Keling hanya menyapu sampah di ruang tamunya sahaja.)	<i>Indai Jubang</i> (Sang Lamat, 2003)
2.	<i>dinga</i> (dengar)	<i>ninga</i> (mendengar)	<i>Lama apai Keling enda bemunyi ninga berita ti ditusui bala sida Keling ke pulai ari Gelung nya tadi. (p,53)</i> (Apai Keling mendiamkan diri apabila mendengar khabar yang diceritakan Keling dan lain-lain yang pulang dari Gelung tadi.)	<i>Kumang Bunsu Ikan Buing</i> (Muda Sandin@Stevenson, 2004)
3.	<i>tiki</i> (naik)	<i>niki</i> (menaiki)	<i>Engki seduai Abak lalu niki ngagai rumah Manang Apai Sali. (p,87)</i> (Engki dan Abak lalu menaiki rumah Manang Apai Sali.)	<i>Kumang Nyera</i> (Mathew Banyin Nyaru, 2003)

Dalam jadual 2 di atas, jelas menunjukkan berlakunya proses nasalisasi dalam kata kerja terbitan. Kata kerja terbitan yang terhasil menunjukkan bahawa fonem awal kata dasar dilesapkan dan digantikan dengan bunyi nasal [n]. Bunyi nasal ini merupakan salah satu alomorf awalan nasal {N-}. Bunyi ini menggantikan bunyi plosif hentian [t] dan [d] pada fonem pertama kata kerja. Penggantian ini berlaku kerana bunyi fonem pertama tersebut bersifat homorganik. Berdasarkan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), proses nasalisasi dalam kata kerja terbitan bahasa Iban dipaparkan seperti di bawah:

{N-} + tepas = nepas (menyapu)

{N-} + dinga = ninga (mendengar)

{N-} + tiki = niki (menaiki)

Jadual 3 di bawah menunjukkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /ny-/ dalam ketiga-tiga teks cerita kaum Iban. Antaranya ialah *nyaut* (menjawab), *nyukat* (menyukat) dan *nyer-ungkai* (menyelongkar).

Jadual 3: Pengimbuhan morfem awalan /ny-/

/ny-/				
Bil	Kata dasar/ Makna	Kata terbitan/ Makna	Contoh ayat/ Makna	Tajuk teks
1.	<i>saut</i> (jawab)	<i>nyaut</i> (menjawab)	<i>“Eh, ka minta bini Dum aku,” ku Indai Keling nyaut orang nya. (p,23)</i> (“Eh, nak meminta isteri Dum aku,” kata Indai Keling menjawab orang itu.)	<i>Indai Jubang</i> (Sang Lamat, 2003)
2.	<i>Sukat</i> (ukur)	<i>nyukat</i> (mengukur)	<i>“Pagila baru aku deka ngupas semua dan lalu ngelumpung batang sereta nyukat pemanjai nya,” pia ku saut Keling. (p,58)</i> (“Esok baru aku mahu mengupas pohon dan memotong batang serta menyukat kepanjangannya,” jawab Keling.)	<i>Kumang Bunsu Ikan Buing</i> (Muda Sandin@ Stevenson, 2004)
3.	<i>serungkai</i> (selongkar)	<i>nyerungkai</i> (menyelongkar)	<i>Nyadi sekali, tinggal Ini Manang mandi, Sepungga seduai Sempurai lalu bebai nyerungkai lupung Ini Manang Manchi, nilik isi benda guchi. (p,127)</i> (Suatu hari, ketika Ini Manang mandi, Sepungga dan Sempurai saling mengajak untuk menyelongkar bakul Ini Manang Manchi dan melihat isi benda dalam tajau.)	<i>Kumang Nyera</i> (Mathew Banyin Nyaru, 2003)

Berpandukan Jadual 3 di atas, proses nasalisasi yang terlibat merupakan proses penggantian morfem. Hal ini demikian kerana, bunyi awal pada fonem kata kerja dilesapkan dan digantikan dengan bunyi nasal [ny]. Bunyi awal kata kerja yang terlibat merupakan bunyi frikatif [s]. Awalan nasal ini menggantikan fonem awal kata kerja yang bersifat homorganik atau memiliki titik artikulasi yang sama. Berpandukan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), proses nasalisasi secara penggantian dalam kata kerja terbitan dipaparkan seperti di bawah:

{N-} + saut = nyaut (menjawab)

{N-} + sukat = nyukat (mengukur)

{N-} + serungkai = nyerungkai (menyelongkar)

Jadual 4 berikut memperlihatkan contoh kata kerja terbitan dengan pengimbuhan awalan nasal /ng-/ dalam ketiga-tiga teks cerita tersebut. Contohnya ialah *ngambi* (mengambil), *ngangau* (memanggil) dan *ngama* (meraba).

Jadual 4: Pengimbuhan morfem awalan /ng-/

/ng-/				
Bil	Kata dasar/ Makna	Kata terbitan/ Makna	Contoh ayat/ Makna	Tajuk teks
1.	<i>ambi</i> (ambil)	<i>ngambi</i> (mengambil)	<i>Ini Manang ngambi rutan sega. (p,17)</i> (Ini Manang mengambil rotan sega.)	<i>Indai Jubang</i> (Sang Lamat, 2003)
2.	<i>kangau</i> (panggil)	<i>ngangau</i> (memanggil)	<i>Datai di ruai Ngelai, bala nembiak pan lalu ngangau. (p,51)</i> (Sebaik sahaja sampai di ruang tamu Nge-lai, budak-budak pun lalu memanggil.)	<i>Kumang Bunsu Ikan Buing</i> (Muda Sandin@ Stevenson, 2004)
3.	<i>gama</i> (raba)	<i>ngama</i> (meraba)	<i>Ini Manang lalu ngama tubuh iya. (p,95)</i> (Ini Manang lalu meraba tubuh dia.)	<i>Kumang Nyera</i> (Mathew Banyin Nyaru, 2003)

Dalam Jadual 4 pula, proses nasalisasi yang terlibat ialah proses penggantian dan penambahan bunyi fonem pertama pada kata dasar. Proses penggantian berlaku apabila bunyi plosif [g] dan [k] dilesapkan dan digantikan dengan bunyi nasal yang dihasilkan pada titik pengucapan yang sama iaitu bunyi /ng/ atau bersifat homorganik. Manakala, proses penambahan berlaku pada kata kerja yang diawali dengan bunyi vokal [a]. Dengan berpanduan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), proses nasalisasi dapat dilihat seperti berikut:

{N-} + ambi = ngambi (mengambil)

{N-} + kangau = ngangau (memanggil)

{N-} + gama = ngama (meraba)

Jadual 5 di bawah memaparkan kata kerja terbitan dengan pengimbuhan morfem awalan /nge-/ dalam dua teks korpus. Berdasarkan kutipan data, pengkaji mendapati bahawa kekerapan penggunaan morfem awalan ini sangat sedikit berbanding dengan morfem awalan yang lain. Antara data yang dikesan ialah *ngeruntun* (menarik) dan *ngelanggak* (melanggak).

Jadual 5: Pengimbuhan morfem awalan /nge-/

/nge-/				
Bil	Kata dasar/ Makna	Kata terbitan/ Makna	Contoh ayat/ Makna	Tajuk teks
1.	<i>Runtun</i> (Tarik)	<i>Ngeruntun</i> (menarik)	<i>Bunga Nuing ngeransi lalu ngeruntun lupung Ini Manang, meda Ini Manang ke enda tesumanka Keling. (p,18)</i> (Bunga Nuing marah lalu menarik bakul	<i>Indai Jubang</i> (Sang Lamat, 2003)

		Ini Manang apabila melihat dia tidak dapat menyembuhkan Keling.)		
2.	<i>langgak</i> (langgah)	<i>ngelanggak</i> (melanggah)	<i>Orang mayuh pan chapuh baru ga enggau panjung nyeradakka gelas lalu ngelanggak ai tuak sampai ambis. (p,72)</i> (Orang ramai pun membuat suasana riuh- rendah lagi dengan jeritan yang kuat me- megang gelas lalu melanggah air tuak se- hingga habis.)	<i>Kumang Bunsu</i> <i>Ikan Buing</i> (Muda Sandin@Stevenson, 2004)

Jadual 5 di atas memaparkan proses nasalisasi secara penambahan morfem dalam kata kerja terbitan. Penambahan ini berlaku kerana dipengaruhi oleh kedudukan suatu bunyi fonem pertama kata kerja. Dalam data-data di atas, bunyi nasal [nge] ditambahkan di hadapan fonem pertama kata kerja yang diawali dengan bunyi [r] dan [l]. Dengan berpanduan pendekatan struktural dalam model kajian Asmah Omar dan Rosline Sandai (2012), proses nasalisasi dapat dilihat seperti berikut:

{N-} + runtun = ngeruntun (menarik)

{N-} + langgak = ngelanggak (melanggah)

Perbincangan

Berdasarkan analisis kajian ini didapati bahawa proses penyengauan dalam bahasa Iban terlibat dalam pembentukan kata kerja terbitan. Dalam proses penyengauan, awalan nasal diwakili lambang {N} yang memiliki lima bentuk alomorf iaitu /m-/ , /n-/ , /ny-/ , /ng-/ dan /nge-/. Dalam kajian oleh Rahim Aman (2006) menyatakan bahawa awalan nasal berfungsi dalam pembentukan kata kerja aktif. Dalam dapatan kajian, pengkaji mengesan berlaku proses penggantian dan penambahan morfem pada awal fonem kata kerja. Penggantian morfem berlaku apabila awalan nasal menggantikan fonem awal kata dasar yang dihasilkan pada alat ujaran yang sama atau dikenali sebagai bunyi homorganik.

Dalam data dapat dilihat fonem awal kata kerja yang merupakan bunyi hentian plosif digugurkan dan digantikan dengan bunyi nasal [m], [n], [ny], dan [ng]. Bunyi hentian plosif yang terlibat ialah [p], [b], [t], [j], [k], dan [g]. Kata kerja yang diawali dengan bunyi plosif [p] dan [b] digantikan dengan bunyi nasal [m] manakala bunyi awal [t] digantikan dengan bunyi [n]. Bunyi nasal [ny] pula menggantikan bunyi afrikat [j] dan bunyi frikatif [s] pada awal kata kerja. Akan tetapi, pengkaji mendapati terdapat kekecualian yang berlaku pada bunyi plosif [k] pada awal kata kerja yang sepatutnya digantikan dengan bunyi nasal [ng] tetapi digantikan dengan bunyi [ny]. Selain itu, data kajian juga menunjukkan terdapat penambahan morfem selain penggantian morfem dalam membentuk kata kerja terbitan bahasa Iban. Penambahan morfem berlaku pada

kata kerja yang diawali dengan bunyi [l] dan [r]. Bunyi-bunyi ini digugurkan dan digantikan dengan bunyi [nge] pada awal fonem kata kerja.

Kesimpulan

Berpandukan penerangan di atas, jelas menunjukkan bahawa proses penyengauan terlibat dalam pembentukan kata kerja terbitan bahasa Iban. Proses penyengauan yang terlibat merangkumi dua jenis proses iaitu penggantian dan penambahan morfem pada awal kata kerja. Walaupun mengalami proses penyengauan, namun makna kata dasar dan kata terbitan tidak berubah dan masih merujuk kepada makna yang sama. Oleh sebab itu, masyarakat Iban masih dapat memahami makna bagi kedua-dua bentuk kata tersebut. Kajian ini juga memaparkan fungsi awalan nasal dalam kata kerja terbitan yang merujuk kepada konsep makna awalan nasal. Terdapat dua fungsi awalan nasal iaitu melakukan perbuatan yang transitif dan menyatakan sesuatu keadaan. Justeru, kajian morfologi bahasa Iban dari segi aspek proses pengimbuhan haruslah dikaji dengan lebih mendalam dan diberikan tumpuan yang teliti supaya bidang morfologi bahasa Iban dapat berkembang seiring dengan bidang linguistik yang lain selain diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sumbangan Penulis

Konsep utama, E.E.B., S.H. and D.S.A.S.; metodologi, E.E.B.; validasi, S.H. and D.S.A.S.; penulisan – draf asal, E.E.B., S.H. and D.S.A.S.; penulisan – semakan dan suntingan, S.H. and D.S.A.S.; visualisasi, E.E.B.; seliaan, S.H. and D.S.A.S. Semua penulis bersetuju dengan versi yang diterbitkan.

Pembiayaan

Tiada.

Pernyataan Ketersediaan Data

Data sumbangan asal kajian ini disertakan secara langsung dalam artikel dan bahan-bahan tambahan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada penulis koresponden.

Konflik Kepentingan

Para penulis membuat perakuan bahawa kajian ini dijalankan tanpa sebarang hubungan komersial atau kewangan yang boleh menyebabkan konflik kepentingan.

Rujukan

- Anne Jeffery Kihob & Saidatul Nornis Mahali. (2021). Penguasaan murid tentang penggunaan imbuhan meN-, di- dan beR- dalam penulisan karangan respons terbuka. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 32(2), 89-110.
- Asmah Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar & Rosline Sandai. (2012). *Morfologi bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2013). *The Iban language of Sarawak: A grammatical description*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin, Collins, J. T., & Dedy Ari Asfar. (2019). *Bahasa dan masyarakat di Lembangan Sungai Sari-bas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2021). Iban as a koine language in Sarawak. *Wacana*, 22(1), 102-124.
- Dedy Ari Asfar. (2016). Kearifan lokal dan ciri kebahasaan teks naratif masyarakat Iban. *LITERA*, 15(2), 366-378.
- de Saussure, F. (1960). *Course in General Linguistic*. Payot.
- International Phonetic Association. (1999). *Handbook of the International Phonetic Association: A guide to the use of the International Phonetic Alphabet*. Cambridge University Press.
- Ismail Dahaman. (2017). *Canggihnya bahasa Melayu: Sistem pembentukan kata, unsur bergabung tutur bersambung*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmin Badruddin, Mohammad Nur Latif & Shahidi Abdul Hamid. (2014). Fonologi Bahasa Kantuk: Kekerabatan dan keeratannya dengan bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung. *Malaysian Journal of Socie and Space*, 1, 94-100.
- Lee, P. L., & Goh, S. S. (2020). Perbandingan kata kerja berimbuhan meN- bahasa Melayu dan padanannya dalam bahasa Cina. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 22-48.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farakhanna Mohd Rusli, & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77-90.
- Osup, C. (2015). Bahasa etnik Iban di Sarawak. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 3, 100-113.
- Rahim Aman. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman, Mohammad Nur Latif, & Shahidi Abdul Hamid. (2014). Memupuk perpaduan di Malaysia: Unsur-unsur penyatuan di sebalik imbuhan bahasa Iban Sarawak Purba. *Malaysian Journal of Socie-ty and Space*, 6, 187-205.

- Rozita Buyoh, Wong, J. K. L. & Atin, V. P. (2017). Proses dan fungsi pengimbuhan awalan kata kerja terbitan bahasa Kadazandusun: Fokus, masa, aspek, ragam (FMAR). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 96-107.
- Stephen, C., Osup, C. & Siti Saniah Abu Bakar. (2017). Faktor campur kod dalam kalangan Masyarakat Iban di Sarawak. *PENDETA*, 8, 108-115.
- Tengku Nur Syamila Tengku Din, & Kartini Abd Wahab. (2021). Kesalahan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam Instagram. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5).
- The Tun Jugah Foundation, Sarawak. (2009). *Tiga ensera*. The Tun Jugah Foundation.
- Wayan Simpen. (2021). *Morfologi: Kajian proses pembentukan kata*. Bui Aksara.
- Yori Leo Saputra, Noviatri, & Leni Syafyaha. (2022). Prefiks {meN-} dalam kumpulan cerpen Kupu-Kupu Banda Mua karya Elly Delfia: Tinjauan Morfologi. *Puitika*, 18(2).